



**SISTEM ePEROLEHAN
PEROLEHAN SECARA TENDER / SEBUT HARGA**

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

KENYATAAN TAWARAN

TARIKH IKLAN : 23 NOVEMBER 2023 (KHAMIS)

Tender adalah dipelawa daripada pembekal-pembekal yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)** dalam **kod bidang 050301** untuk mengambil bahagian di dalam tender berikut:-

| BUTIR-BUTIR TAWARAN | JADUAL T/P&P | TARIKH/MASA/TEMPAT TAKLIMAT/LAWATAN TAPAK (Kehadiran Taklimat/Lawatan Tapak DIWAJIBKAN) | SYARAT PENYERTAAN TENDER | KAEDAH PEROLEHAN |
|---|--------------|--|--|-------------------|
| [FTA(CPTPP)] Tender Pembekalan Produk Konsumabel Kardiologi Bagi Prosedur Di Makmal Invasif Kardiologi (ICL) Di Bawah Perkhidmatan Kardiologi Kementerian Kesihatan Malaysia Untuk Tempoh 3 Tahun (Maklumat lanjut sila layari laman web Kementerian Kesihatan Malaysia dan <i>MyProcurement</i>) [Tawaran petender dibenarkan dalam BM/ENG] No. Tender : QT230000000026500 | 106/2023 | Taklimat tender diadakan secara fizikal dan dalam talian (Hibrid). Tarikh : 29 November 2023 Masa : 10.00 pagi Tempat : Bilik Mesyuarat Ibnu Haitham (BM5), Aras 1, Blok E1, Kompleks E, Presint 1, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Putrajaya dan Melalui pautan Google Meet seperti berikut : meet.google.com/hci-dzvz-gxw Kehadiran secara fizikal adalah TERHAD kepada seorang wakil syarikat sahaja. | 1) Petender yang berminat DIWAJIBKAN hadir ke sesi taklimat secara fizikal atau dalam talian. 2) Syarat menghadiri taklimat/lawatan tapak: (i) Hanya PENAMA di dalam Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan (MOF) SAHAJA yang boleh hadir ke sesi taklimat/lawatan tapak. PENAMA wajib membuat pengesahan DOKUMEN di atas bagi mengesahkan kehadiran di sesi taklimat tender. 3) Perolehan ini tertakluk kepada syarat CPTPP seperti berikut: (i) Hak Kerajaan untuk mengadakan rundingan tidak dalam apa-apa cara juga mengikat Kerajaan menyetujui terima keputusan rundingan; (ii) Pelawaan tender ini boleh dipertimbangkan perubahan dan pelanjutan tempoh kontrak tidak melebih 50% daripada nilai kontrak asal dan/atau | Secara ePerolehan |

| BUTIR-BUTIR TAWARAN | JADUAL T/P&P | TARIKH/MASA/TEMPAT TAKLIMAT/LAWATAN TAPAK (Kehadiran Taklimat/Lawatan Tapak DIWAJIBKAN) | SYARAT PENYERTAAN TENDER | KAEDAH PEROLEHAN |
|---------------------|--------------|--|--|------------------|
| | | | <p>maksimum dua (2) tahun tertakluk kepada peraturan semasa yang berkuat kuasa;</p> <p>(iii) Harga yang ditawarkan pembida juga adalah tertakluk kepada penentuan Keutamaan Harga (<i>Margin Of Preference – MOP</i>) syarikat tempatan /syarikat dari negara ahli FTA; dan</p> <p>(iv) Program Kolaborasi Industri (ICP) (jika berkaitan)</p> | |

* PERHATIAN: SILA RUJUK DOKUMEN TAWARAN - SYARAT-SYARAT, ARAHAN DAN PENJELASAN BERHUBUNG DENGAN TENDER YANG TERKINI DALAM SISTEM ePEROLEHAN

Telecenter:

**Bahagian Perolehan dan Penswastaan,
Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 7, Blok E7, Kompleks E, Presint 1,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62590 PUTRAJAYA**
No. Telefon : 03-8883 3022

Dokumen Tender boleh disemak mulai **23 November 2023 (Khamis)** dengan melayari www.eperolehan.com.my.

Pembekal yang ingin menyertai tender ini mestilah ePerolehan *enabled*. Sistem ePerolehan mempelawa pembekal secara **Auto Invite** dan hanya pembekal yang mempunyai kod bidang berkenaan sahaja layak menyertai tender tersebut.

Cadangan Teknikal dan Cadangan Kewangan yang lengkap hendaklah dikunci masuk (*key-in*) ke dalam sistem ePerolehan pada atau sebelum **08 Januari 2024 (Isnin), jam 12.00 tengah hari**. Semua dokumen pelawaan, dokumen tawaran dan dokumen sokongan hendaklah dikemukakan secara elektronik dan penyerahan **dokumen secara manual adalah tidak dibenarkan**. Penyerahan secara manual hanya dibenarkan bagi sampel sahaja (jika berkenaan). Pihak tuan adalah dimohon untuk mematuhi Pekeliling Perbendaharaan (PP)/Perolehan Kerajaan (PK) 2.2 perenggan 5.7(iii) dan perenggan 15.1(viii) dibaca bersama PP/PK5.1 Lampiran 4 perenggan 9.2 yang memberi maksud untuk **TIDAK memaparkan nama syarikat pada dokumen teknikal**.

Tawaran yang lewat tidak akan diterima.

Kementerian Kesihatan Malaysia tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah ataupun sebarang tawaran.

Syarikat/Firma/Koperasi/Pemilikan Tunggal* hendaklah mengambil perhatian bahawa setiap transaksi bagi kontrak yang melibatkan hanya sekali bayaran (*one-time payment*) melalui

sistem ePerolehan akan dikenakan fi perkhidmatan pada kadar sebanyak 0.8% dengan had maksimum RM9,600 bagi transaksi yang bernilai RM1.2 juta atau lebih;

Atau

Setiap transaksi bagi kontrak yang melibatkan beberapa kali pembayaran (*multiple payment*) melalui sistem ePerolehan akan dikenakan fi perkhidmatan sebanyak 0.4% dengan had maksimum RM4,800 bagi pesanan bernilai RM1.2 juta atau lebih.

*Yang mana berkenaan

**Ketua Setiausaha,
Kementerian Kesihatan Malaysia**